

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI MELAKA/ N. SEMBILAN)

TARIKH: 5 OGOS 2017

MUKA SURAT: 49

Mangsa kemalangan bercadang saman PBT

SEREMBAN - Akibat patah kaki selepas terlanggar lubang besar di jalan raya, seorang pengguna jalan raya mahu memfailkan saman terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT).

Wong Han Siang, 43, berkata, dia bercadang mengambil tindakan undang-undang kerana menyifatkan PBT cuai.

Menceritakan kejadian kira-kira jam 11 pada 1 Ogos lalu, katanya, motosikal yang ditunggangnya terjunam ke dalam longkang besar selepas terlanggar lubang di tepi jalan berdekatan Kawasan Perindustrian Ringan Senawang, di sini.

Disebabkan kejadian itu, kaki kirinya patah dan mengalami bengkok di tapak kaki kanan.

"Kalau kerosakan jalan itu dibaiki, sudah pasti perkara seperti ini tidak berlaku. Mujur semasa kejadian longkang ini tidak dipenuhi air. Kalau tak, tak tahu saya macam mana," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Adun Senawang,



Gunasekaran (dua, kanan) melihat lokasi Han Siang (tiga, kanan) ditimpa kemalangan, semalam.

P.Gunasekaran berkata, aduan mengenai kerosakan jalan berlekuk dan berlubang sudah dibuat sebulan lalu.

Menurutnya, bukan saja melalui telefon malah aduan turut dibuat dalam talian, namun tiada sebarang tindakan," katanya.

Dalam pada itu, usaha *Sinar Harian* mendapatkan kenyataan Yang Dipertua MPS, Datuk Abd Halim Abd Latif tidak berhasil apabila talian telefonnya tidak dapat dihubungi.